

Tajuk : UNIMAS meterai MoU dengan university, syarikat gergasi Jepun

Berita Harian 30/03/12  
M/s: 4

## **UNIMAS meterai MoU dengan universiti, syarikat gergasi Jepun**

**S**AMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam menandatangani memorandum persefahaman (MoU) masing-masing dengan Universiti Yamaguchi dan Tokuyama Corporation dari Jepun bagi kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Pada majlis itu, UNIMAS diwakili Naib Canselornya Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, manakala Universiti Yamaguchi oleh Naib Presidennya Prof Dr Hiroshi Matsuda dan Tokuyama Corporation oleh Penasihatnya Seiichi Shiraga.

Menteri Muda Promosi Pendidikan Teknikal Sarawak, Datuk Len Talif Salleh menyaksikan majlis pemeteraian MoU itu.

MoU antara UNIMAS dan Universiti Yamaguchi membabitkan pertukaran pelajar dan kakitangan, projek penyelidikan bersama dan perundingan, maklumat dan penerbitan akademik dan penganjuran persidangan dan seminar bersama.

Sementara dalam MoU dengan Tokuyama Corporation, syarikat gergasi itu akan menawarkan dua biasiswa untuk membolehkan pelajar lulusan UNIMAS melanjutkan pelajaran di Universiti Yamaguchi, geran bagi kajian kuasa berkualiti di Malaysia dan cadangan bagi penyelesaian keperluan kuasa bagi Tokuyama Sarawak, yang sedang membangunkan kilang silikon polikristalin di Taman Perindustrian Samalaju di Bintulu.

Prof Khairuddin dalam ucapannya pada majlis itu berkata, MoU itu akan membolehkan ketiga-tiga pihak bekerjasama dalam merancang pembangunan modal insan mahir dan separa mahir bagi Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

"Kami menjangkakan untuk belajar banyak perkara dari Universiti Yamaguchi sebagai sebuah institusi yang lebih berpengalaman dan dari Tokuyama Corporation, sebuah syarikat terkemuka," katanya.

UNIMAS, yang akan menyambut ulang tahun ke-20 tahun ini adalah universiti awam kelapan Malaysia dan kini mempunyai lapan fakulti, sembilan pusat dan lima institut.

Universiti Yamaguchi yang ditubuhkan pada 1949 sebagai sebuah universiti nasional mempunyai tujuh fakulti dan sebuah hospital, menawarkan ijazah lanjutan dalam pelbagai bidang, antaranya ekonomi, sains, kejuruteraan, perubatan dan pengajian Asia Barat.

Tokuyama Corporation ditubuhkan pada 1918 bermula dengan pengeluaran sodium karbonat dan merancang memulakan pengeluaran silikon polikristalin di Bintulu pada 2013. - BERNAMA